

23/05/2003

Dr Mahathir arah Umno buat persediaan hadapi pilihan raya

Kadir Dikoh; Veena Rusli; Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Umno bahagian, Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri diarah membuat persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sudah menjadi kebiasaan bagi Umno membuat persediaan awal walaupun tempoh kerajaan sekarang hanya berakhir menjelang akhir tahun depan.

"Saya meminta semua pihak membuat persediaan. Bahagian, Pemuda, Wanita dan Puteri mengadakan 'dry run' (pilihan raya olok-olok). Ini tidak bermakna bahawa pilihan raya akan diadakan tidak lama lagi.

"Kita ada lebih sikit daripada setahun saja sebelum tamat 'edah' (tempoh

kerajaan). Jadi, kita kenalah buat persediaan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini semalam.

Pada mesyuarat itu beliau turut menjelaskan masalah serpihan Umno yang dinyatakannya baru-baru ini berikutan wujud kekeliruan laporan akhbar mengenainya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak menyebut ada banyak serpihan dalam parti itu, sebaliknya mengingatkan mengenai masalah serpihan yang pernah melanda sebelum ini sehingga melemahkan Umno.

"Yang menjadi masalah kepada Umno ialah kadang-kadang ada orang Umno yang kecewa, yang merajuk, yang kadang-kadang bertindak merugikan Umno. Umpamanya, kalau tak dipilih jadi calon ada yang merajuk dan cuba tentukan supaya calon yang dipilih dikalahkan dan sebagainya atau tak jadi ketua bahagian.

"Ini saya ingatkan kepada semua pihak supaya mereka kembali kepada semangat perjuangan yang lama, bukan untuk diri sendiri tetapi untuk parti, bangsa dan agama," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa istilah serpihan itu bermakna untuk mereka yang tidak lagi berada dalam Umno seperti apabila ulama Umno yang pernah keluar parti suatu masa dulu dan menubuhkan Pas.

"Tetapi kalau dia dok ada dalam Umno, dia cuma tak berapa seronok dengan sesuatu benda...itu bukan serpihan. Sebab itu saya nasihat orang ini," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir menjelaskan bahawa sebarang dasar kerajaan sekarang adalah 'dasar kerajaan' dan bukan 'dasar Mahathir Mohamad' kerana

ia dibuat secara muafakat oleh menteri Kabinet.

Perdana Menteri menjelaskan perkara itu berikutan laporan media baru-baru ini yang memberi gambaran seolah-olah dasar kerajaan akan berubah selepas beliau bersara Oktober ini.

Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang hadir pada sidang media itu mengulangi beliau akan meneruskan dasar kerajaan yang dilaksanakan selama ini.

"Saya telah menerangkan kepada Datuk Seri (Dr Mahathir) tadi bahawa saya kerap ditanya soalan adakah saya akan meneruskan dasar yang dilaksanakan selama ini. Jawapan saya ialah saya akan teruskan dan saya bukan sengaja

nak cari nama untuk diri saya.

"Tambahan pula, dasar ini dibuat dalam Kabinet dan semua ahlinya berbincang. Bila Perdana Menteri ada cadang sesuatu kita bincang...beri pandangan. Selepas itu kita buat keputusan dan dalam hal ini saya juga terbabit secara tanggungjawab bersama.

"Sekiranya pada masa depan ada sesuatu perkara berlaku yang memerlukan pindaan, saya wajar pinda, maka kita pinda. Ini pun adalah sesuatu yang perlu kita buat," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir mengingatkan pelajar Bumiputera, ibu bapa dan guru berusaha lebih gigih memastikan kelulusan lebih baik supaya dapat bersaing dengan pelajar bukan Bumiputera untuk memasuki universiti tempatan.

"Walaupun jumlah Bumiputera yang diterima masuk universiti tempatan tahun ini meningkat, peratusannya menurun berikutan pengambilan berasaskan meritokrasi.

"Nampaknya, penuntut bukan Bumiputera berusaha lebih untuk dapat kelulusan baik. Sebab itu, walaupun jumlah mereka rendah daripada pelajar Bumiputera, peratusannya meningkat kerana kelulusan mereka jauh lebih baik," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun kelulusan yang layak masuk universiti tempatan agak besar, iaitu 48,000 calon, hanya 32,000 calon dapat diterima masuk.

Sehubungan itu, katanya, kelulusan yang baik saja tidak mencukupi tetapi perlu menjadi antara terbaik bagi membolehkan pelajar tergolong dalam kategori 32,000 calon itu.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan mahu menyesuaikan penuntut berdasarkan keperluan negara seperti doktor, jururawat dan ahli farmasi.

Pada masa sama, bidang lain yang kurang diceburi seperti perakaunan dan aeroangkasa juga akan diberi tumpuan.